

# Asry dan Chairil johan beregu jemputan UMS-KAL

UB 20.05.2012 A14

**LABUAN:** Pelajar Tahun Dua, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Asry Abas dan Md Chairil Anuar muncul johan kategori beregu lelaki jemputan UMS-KAL di Kejohanan Badminton Novis Tertutup Wilayah Persekutuan Labuan dan Jemputan UMS-KAL yang diadakan di Dewan Foo Chow, Kampung Sungai Keling, baru-baru ini.

Di perlawanan akhir pasangan itu menewaskan pasangan dari Atirah Brunei, Ermadena Talib dan Sia Kok Ann 21-13, 21-19, 21-14 untuk memenangi hadiah RM300 dan medal serta sijil penyertaan.

Naib johan menerima RM200, medal dan sijil penyertaan.

Pemenang ketiga bersama dimenangi Abd Ghani Badar dan Ahmad Rafaai Mohd Sabri dan Ibrahim Alias dan Zulkifli Md Salleh dan Hamka Ahmad dan Sazlan

Yusof.

Bagi kategori beregu novis tertutup Labuan johan dimenangi Zamehairul Ahmad yang berpasangan dengan Muhidin Darsa selepas menewaskan pasangan Harjay Wandy Jack dan Roshaizan Hazrun 21-17, 21-13, 21-17.

Tempat ketiga bersama dimenangi Abd Ghani Badar dan Ahmad Rafaai Mohd Sabri dan Ibrahim Alias dan Fazli Abu Bakar.


Johan menerima hadiah wang tunai RM300, medal dansijil, naib johan RM200 dan ketiga RM100.

Hadih disampaikan oleh Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), Yuan Eddie.

Turut hadir Penolong Pendaftar HEP, Sufian Osman, Penyelaras Kejohanan Jais Osman dan Pengurus Kelab Badminton UMS-KAL, Lau Kung Kim.

Kejohanan dua hari itu

dianjurkan oleh Kelab Badminton UMS-KAL dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP).



JOHAN beregu Asry dan Md Chairil bersama hadiah yang dimenangi.



YUAN Eddie (duduk, dua kiri) bersama pemain, pengadil dan pelajar UMS-KAL.



ANTARA pemain tempatan yang menyertai kejohanan dua hari itu.